

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 DISEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 27

### Aktiviti Petronas kekal aktif

## Aktiviti Petronas kekal positif

**KUALA LUMPUR** - Prospek aktiviti pelantar penggerudian, perkhidmatan telaga dan perkhidmatan dalam laut Petroliam Nasional Bhd (Petronas) kekal positif bagi tempoh 2023-2025.

Ia berikutan aktiviti pembaikan dan penyenggaraan diperlukan bagi mengekalkan integriti serta aktiviti kemudahan luar pantai, demikian laporan Prospek Aktiviti bagi 2023-2025 yang dikeluarkan pada Isnin.

“Petronas menjangka ketidaktentuan dalam pasaran tenaga akan berterusan.

“Ia memerlukan peserta industri bertindak balas dengan lebih pantas kepada perubahan dalam landskap tenaga dan menerapkan inovasi serta penyelesaian baharu ke arah masa depan yang rendah karbon,” katanya. -*Bernama*